


Sentiasa Amalkan Bersangka Baik Sesama Manusia



Oleh : Rabiatul Adawiyah Kamarudin

Universiti Sains Islam Malaysia

Diterbitkan pada 25 Julai 2021



Pada awal Februari tahun ini telah tular rakaman video berkaitan pekerja J&T yang membaling bungkusan penghantaran pelanggan.

Mereka dikatakan berbuat demikian kerana majikan telah mengubah cara pengiraan komisen dalam penghantaran bilangan bungkusan.

Insiden tersebut mencetuskan kekecohan dalam kalangan masyarakat dan ramai orang mula bersangka buruk terhadap perkhidmatan penghantaran yang dilaksanakan oleh syarikat tersebut.

Mereka yang membeli secara dalam talian pasti risau jika bungkusan yang dibaling itu adalah milik mereka dan barangan di dalamnya rosak.

Namun, patutkah kita terus bersangka buruk terhadap perkhidmatan J&T semata-mata disebabkan oleh insiden tersebut?

Allah SWT telah berfirman yang bermaksud: Wahai orang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian sangkaan itu adalah dosa; dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang; dan janganlah sesetengah kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang sudah mati? (Al-Hujurat, ayat 12)

Bersangka baik atau *husnuzon* adalah sangat dituntut dalam Islam kerana boleh mengelakkan daripada menuduh orang lain berbuat jahat atau melakukan keburukan.

Manusia yang bersangka buruk seolah-olah memfitnah kerana perbuatan itu tidak mempunyai bukti nyata dan kukuh.

Kelebihan bersangka baik adalah supaya dapat mengelakkan masyarakat daripada berpecah-belah. Cuba kita perhatikan kata-kata Saidina Umar r.a., “Jangan kamu membuat sangkaan terhadap satu kalimah yang keluar daripada seorang saudara mukminmu kecuali kebaikan, selagi kamu masih ada cara untuk meletakkannya di tempat yang baik.”

Bersangka buruk dan mencari kesalahan orang lain adalah perbuatan yang sangat dimurkai Allah SWT. Sifat buruk sangka boleh membawa kepada terputus hubungan persaudaraan.

Sesiapa yang mempunyai sifat buruk sangka sesama manusia wajib bertaubat dan beristighfar kepada Allah SWT.

Bersangka baik terhadap sesama manusia lebih mulia daripada bersangka buruk yang boleh mendatangkan dosa. Terdapat beberapa langkah yang perlu dilaksanakan agar diri kita termasuk dari golongan yang bersangka baik.

Pertama, jauhkan diri daripada menjatuhkan hukum atas niat seseorang, iaitu tidak menghukum orang sebaik saja menerima sesuatu maklumat kerana apa didengar tidak semestinya betul. Malah, kita perlu selidik terlebih dahulu puncanya.

Seperti video yang tular tersebut, mungkin ia berlaku tidak sengaja dan hanya atas niat bermain-main sesama rakan sekerja.

Kedua, ambil kata-kata orang dengan makna yang baik. Jika orang kata yang tidak baik kepada kita atau orang lain, pastikan kita sentiasa bersangka baik agar tiada rasa marah dan benci.

Seperti yang sentiasa kita alami apabila berbual bersama kawan-kawan pasti akan mempunyai ayat yang menggores hati.

Namun, apabila mendengar ayat yang boleh mencetuskan kemarahan, mulalah bersangka baik dengan mengatakan pada diri ia hanya gurauan.

Ketiga, mencari ruang supaya kita boleh memaafkannya, iaitu dengan sentiasa berusaha mencari ruang bersangka baik terhadap orang yang kita mahu bersangka buruk.

Kita mungkin melihat semasa kelas dalam talian berlangsung, ada rakan sekumpulan yang tidak memberi maklum balas apabila ditanya. Kita boleh mula bersangka baik dengan memikirkan dia menolong ibunya ketika ditanya.

Orang yang bersangka buruk sama dosanya seperti memakan daging saudara yang sudah mati. Perkara buruk ini menjadi sebahagian sifat manusia yang sentiasa iri hati dan bersangka buruk terhadap orang lain dengan menuduh orang melakukan perbuatan jahat tanpa mempunyai bukti kukuh.

Tidak dapat kita nafikan bahawa bersangka baik adalah cara yang terbaik untuk memastikan kita semua sentiasa dalam keadaan berfikiran terbuka dan jauh daripada bersangka buruk terhadap sesama manusia.